

Rabu – 4 November 2020

Halaman : 32

## Jambatan runtuh, 400 terjejas

**GUA MUSANG:** Jambatan kayu yang menghubungkan perkampungan Orang Asli di Pos Pasik di sini runtuh menyebabkan 400 penduduk terkandas.

Kejadian berlaku akibat rempuhan air sungai yang naik mendadak ekoran hujan lebat malam semalam.

Seorang penduduk Orang Asli, Busu Angah, 43, berkata, dia menyedari kejadian itu pada pulak 7 pagi ketika dalam perjalanan keluar ke bandar.

Katanya, dia terpaksa berpatah balik dan menunggu penduduk bergotong-royong bagi membaik pulih jambatan runtuh itu.

"Kami terputus hubungan untuk keluar ke bandar bagi membeli barang keperluan. Walaupun hanya membabitkan

jambatan kayu kecil tetapi tidak boleh dilalui semua kenderaan," katanya di sini.

Seorang lagi penduduk, Philip John, 33, berkata, ketika ini penduduk membuat persiapan awal bagi menghadapi musim tengkujuh termasuk membeli bekalan makanan.

Katanya, selain jambatan runtuh, hujan lebat berterusan menyebabkan mereka sukar keluar ke bandar kerana jalan balak becak dan rosak teruk.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nenggiri, Ab. Aziz Yusoff berkata, pihaknya telah menerima aduan kejadian tersebut dan akan membuat perancangan teliti bagi menyelesaikan isu berkenaan.



Jambatan kayu yang menghubungkan perkampungan Orang Asli di Pos Pasik, Gua Musang, Kelantan runtuh akibat hujan lebat.